

Biasiswa Antarabangsa untuk juara pidato

» Tawaran kepada pemenang PABM lanjut pengajian peringkat sarjana, PhD

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan akan menawarkan Biasiswa Antarabangsa kepada tiga pemenang Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) kategori antarabangsa bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata tawaran biasiswa itu diberikan sebaik pemenang itu memenuhi syarat akademik di institusi pengajian tinggi awam.

Beliau berkata, PABM yang masuki edisi ke-8, terbukti berjaya mencungkil ramai pemidato bahasa Melayu dari luar negara.

Jumlah peserta meningkat

"Semestinya, saya amat sukacita apabila dimaklumkan jumlah peserta meningkat kepada 80 orang dari 72 negara, berbanding 24 orang peserta ketika ia mula di perkenalkan dahulu.

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi penghargaan kepada Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan kerana merealisasikan matlamat 'pengantarabangsaan bahasa Melayu' di persada dunia," katanya ketika merasmikan PABM Piala Perdana Menteri 2014, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, malam tadi.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Perdana Menteri berkata, satu format baharu PABM akan di perkenalkan iaitu Kategori Pela-

jar Antarabangsa yang menuntut di IPT Malaysia, sejarah dengan sambutan cukup memberangsangkan daripada peserta khususnya pelajar antarabangsa yang menuntut di Malaysia.

"Dengan adanya kategori ini diharapkan ia mampu memeriahkan lagi pertandingan pidato ini, dan secara tidak langsung akan mengiktiraf Malaysia sebagai hab pengajian bahasa Melayu dunia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memastikan bahasa Melayu akan terus menjadi bahasa perdana di negara ini, walaupun ruang turut diberikan kepada bahasa Inggeris dan bahasa lain.

Justeru pada 2011, Kabinet meluluskan hasrat Kementerian Pendidikan, yang pada ketika itu sebagai Kementerian Pengajian Tinggi, untuk memperkenalkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi.

"Di mana tumpuan utamanya untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa global setan-



Hill dan Selamat bersama **hadiyah kemenangan** dalam pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu, Piala Perdana Menteri 2014, di Serdang, semalam.

[FOTO GOH THEAN HOWE/BH]

ding dengan bahasa Inggeris dan bahasa utama lain," katanya.

Pemenang setiap kategori

Pada pertandingan itu, wakil Australia, Sally Jane Hill muncul juara bagi kategori Antarabangsa, manakala peserta Indonesia, Selamat Nur Anom muncul juara bagi kategori Alam Melayu.

Juara masing-masing menerima

hadiah wang tunai RM23,000 (AS\$7,000) dan sijil.

Tempat kedua kategori antarabangsa peserta China, Chen Nan, manakala ketiga Aiman Saleh Hasn Alammari dari Yaman.

Wakil negara, Aiman Ariff Abdul Aziz pula muncul naib johan kategori Alam Melayu, manakala ketiga Mahamat Yusoh dari Thailand.